



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Pakar-pakar ICT utama akan membantu agenda pendigitalan Kementerian Pengangkutan

Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan sukacita mengumumkan pembentukan Jawatankuasa Penasihat Digital (JPD) yang akan mengumpulkan pakar-pakar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dari pelbagai industri untuk membantu usaha pendigitalan kementerian.

JPD akan menyumbang kepakaran untuk memperkasakan inisiatif pendigitalan Kementerian Pengangkutan dari segi kestabilan perkhidmatan, keselamatan siber dan pengalaman pengguna.

JPD akan berkhidmat secara *pro bono* tanpa sebarang kos kepada Kerajaan.

Lima ahli yang menganggotai jawatankuasa JPD mempunyai pengalaman luas dalam bidang teknologi dan transformasi digital yang merangkumi pelbagai sektor termasuk pentadbiran, pengawalseliaan, perbankan, telekomunikasi dan keselamatan siber.

Ahli-ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

- 1. Dato Mohamed Sharil Tarmizi (Pengerusi)** berkhidmat sebagai pengerusi dan CEO Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dari 2011 sehingga 2014. Beliau kini seorang Ahli Pihak Berkuasa dalam Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah Internet Corporation for Assigned Names and Numbers (ICANN) yang merupakan badan penyelarasan antarabangsa bagi nama domain internet. Beliau turut terlibat dalam inisiatif reformasi pengawalseliaan bersama pelbagai organisasi antarabangsa.
- 2. Chu Hong Keong** mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan telekomunikasi dengan kepakaran dalam teknologi perbankan, e-perniagaan, transformasi digital dan pengurusan anti-penipuan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Eksekutif Kanan Strategi dan Transformasi di sebuah bank antarabangsa utama dan Pengarah Urusan di sebuah syarikat kumpulan ICT utama di Malaysia.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

3. **Dato' Dr. Suhazimah binti Dzazali** berkhidmat selama 35 tahun sebagai penjawat awam sehingga 2020. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (ICT) dan Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (GCIO) di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Beliau memainkan peranan penting dalam penyediaan Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020 dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.

4. **Fong Choong Fook** ialah Pengerusi Eksekutif LGMS Berhad, sebuah syarikat tersenarai keselamatan siber yang utama di Malaysia. Beliau bekerjasama dengan pelbagai agensi pengawalseliaan di seluruh dunia mengenai keselamatan sistem maklumat dan telah memberi latihan kepada pelanggan kerajaan dan syarikat multinasional mengenai prosedur keselamatan, ujian penembusan dan siasatan forensik jenayah komputer.

5. **Afzal Abdul Rahim** merupakan usahawan teknologi yang kini berkhidmat sebagai Commander-in-Chief TIME dotCom dengan pengalaman dalam telekomunikasi dan pusat data. Pasukannya telah membantu kerajaan dalam pelbagai inisiatif awam. Beliau juga adalah pengasas Malaysian Internet Exchange (MyIX).

JPD telah bersidang untuk pertama kalinya semalam (6 Mac 2023) dengan kehadiran Menteri Pengangkutan Loke Siew Fook.

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
7 MARCH 2023**

-TAMAT-

Tentang MOT:





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan

Media

Lu Wei Hoong

Setiasaha Akhbar kepada Menteri Pengangkutan

Tel +6013-2553623

E-mail lwh@mot.gov.my

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

